

# 20 tahun tak jemu tingkat potensi ekonomi wanita

➔ Madeline manfaat kepakaran, hasil kajian bantu martabat hala tuju dan masa depan negara

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof  
afzan@bh.com.my

► Bangi

**S**umbangan dan pembabitan Prof Madya Dr Madeline Berma, 56, dalam pelaksanaan dasar serta pembangunan bagi membantu mengubah dan meningkatkan martabat wanita di negara ini sejak 20 tahun lalu, tidak dapat dinafikan.

Berlatarbelakangkan kepakaran dalam bidang pendidikan dan ekonomi, membolehkan beliau melontarkan idea serta menyuarakan kekurangan dan potensi yang dikenal pasti untuk membantu meningkatkan penyertaan secara berkesan wanita dalam pembangunan negara.

Malah, bersandarkan kewibawaan dan pengalaman dimiliki, Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), ini diberi kepercayaan dan dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita (MPPW), di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dua tahun lalu.

Madeline berkata, pelantikan itu berbaloi dengan pembabitan beliau dalam isu pembangunan ekonomi wanita dan masyarakat, khususnya mereka dalam kalangan berpendapatan rendah yang sejak dahulu menjadi 'makanannya'.

"Kepakaran dalam bidang pendidikan dan ekonomi, membolehkan saya menyuarakan kekurangan dan potensi yang dikenal pasti untuk membantu meningkatkan penyertaan secara berkesan wanita dalam pembangunan negara.

"Tumpuan saya kini, sudah pastinya lebih kepada usaha memartabatkan hala tuju dan masa depan negara, khususnya wanita," katanya kepada BH ketika di temui di UKM, di sini.

Memiliki Ijazah doktor falsafah dari University of Hull, England, beliau memperoleh jurusan sarjana sastera dari University of Wisconsin-Madison, Amerika Syarikat.



Pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari UKM ini, turut memiliki kepakaran dalam kajian pembangunan, malah kerja penyelidikannya, banyak memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar dan pembangunan ekonomi wanita.

Kepakaran dan pengalaman dimiliki, membolehkan beliau terpilih mewakili Malaysia dan UKM ke Commission on the Status of Women (CSW) ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York tahun lepas.

## Ubah kehidupan wanita

Sebagai sebahagian daripada *think-tank* pembangunan wanita, Madeline mengakui, berasa puas apabila dapat merubah kehidupan wanita kepada lebih baik menerusi dasar yang disaran dan dibangunkan kerajaan.

Penerima Anugerah Pencapaian Khas dalam Bidang Pendidikan sempena Sambutan Hari Wanita 2016 Negeri Sarawak ini berkata, hakikatnya isu pembangunan wanita ialah isu global dan seiring dengan itu, Malaysia perlu mengikut aliran semasa.

"Orang selalu bertanya kepada saya, kenapa wanita? Alasan saya mudah, banyak kajian menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi negara lebih bermakna jika ia dapat dimanfaatkan wanita yang jumlahnya hampir separuh daripada jumlah penduduk negara.

"Sebagai tenaga kerja, wanita juga berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, organisasi dan isi rumah. Banyak kajian membuktikan, syarikat besar yang berjaya dan memperoleh keuntungan tinggi, terdiri daripada organisasi mengamalkan kepelbagaian jantina di tempat kerja.

"Malah, wanita berpotensi se-

kiranya bakat mereka digilap, justeru tidak ada alasan kenapa kita menolaknya.

"Lagipun, kedudukan wanita dalam pengurusan tertinggi di sektor swasta masih lagi rendah, hanya 10.2 peratus pada 2014 daripada ahli lembaga pengarah syarikat awam tersenarai (PLC) berbanding sasaran 30 peratus pada 2016," katanya.

## Hasil kajian jadi rujukan

Madeline yang juga tenaga penyarah di Pusat Pengurusan Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM, berkata beliau terlibat dalam hal ehwal wanita, secara tidak sengaja.

Katanya, apabila banyak membuat kajian mengenai keadaan ekonomi masyarakat, didapati yang ramai miskin adalah wanita. Sejak itu, iaitu sekitar tahun 2000, hasil kajiannya selalu dijadikan rujukan dan beliau banyak memberikan idea untuk pembangunan wanita.

Beliau berkata, sterotaip terhadap fungsi wanita dan tanggapan bahawa isu wanita adalah terencil dalam kalangan masyarakat, antara halangan utama dihadapi dalam memperjuangkan hal berkenaan.

"Bukan sahaja masyarakat, kadangkala wanita sendiri ragu dengan keupayaan mereka. Itu sebenarnya halangan perlu dihapuskan dalam memperkasa wanita.

Apabila saya bercakap mengenai memperkasa wanita, bukan kita mahu mengambil alih tugas lelaki atau suami tetapi sekurang-kurangnya wanita itu berupaya berdiri atas kaki sendiri dan tidak berharap 100 peratus kepada lelaki untuk mencari rezeki atau melakukan tugas harian.

"Saya bangkitkan hal ini kerana kajian saya terhadap kemiskinan masyarakat, status miskin banyak 'diungguli' wanita, khususnya ibu tunggal," katanya.

Sebagai pensyarah dan penyelidik dalam bidang pengurusan ekonomi, beliau banyak melawat ke kawasan kampung yang mundur untuk merasai erti miskin.



## Profil

### Madeline Berma

- ➔ **Usia:** 56 tahun
- ➔ **Asal:** Sarawak
- ➔ **Jawatan:** Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Pensyarah Pusat Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM
- ➔ **Pencapaian dan anugerah:**
  - Penerima Anugerah Pencapaian Khas dalam Bidang Pendidikan sempena Sambutan Hari Wanita 2016, Negeri Sarawak; Penerima pingat Ahli Bintang Kenyalang (ABK) dan Kerajaan Negeri Sarawak; Menjadi ahli Ahli Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita (MPPW) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Ahli Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) di Jabatan Perdana Menteri; Ahli Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA) - Jabatan Perdana Menteri; Ahli Majlis Perundingan dan konsultatif Perpaduan Nasional di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Penyelidik Kajian Keperluan Modal Insan Wanita Untuk Koridor Tenaga Diperbaharui (SCORE), Sarawak